



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 11

RABU 18HB MACH, 1981.

رابعو 12 جمادي الاول 1401

PERCHUMA

D.Y.M.M. BERANGKAT KA-RTB, PERUBATAN DAN KESIHATAN PULA

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Padu-
ka Seri Baginda Sultan
dan Yang Dipertuan Sir
Muda Hassanah Bolkih
Mu'izzaddin Waddaulah
di-dalam siri keberangkat-
an Baginda ka-jabatan2
Kerajaan telah berangkat
melawat jabatan2 Radio
Talivishen Brunei dan Ja-
batan Perkhidmatan2 Per-
ubatan dan Kesihatan
Brunei.

Keberangkatan Baginda
dan rombongan ka-Jaba-
tan Radio dan Talivishen
Brunei mengambil tempat
pada hari Khamis 12hb
Mach dan ka-Jabatan
Perkhidmatan2 Perubatan
dan Kesihatan pula adal-
ah pada hari Isnin lepas.
Mengiringi Baginda
Yang Dipertuan dalam la-
watan itu termasuklah
adinda Baginda, Yang

Teramat Mulia Paduka
Seri Duli Pengiran Per-
dana Wazir Sahibol Him-
mah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohammad Bol-
kiah dan Penasehat Umom
Baginda, Yang Teramat
Berhormat Pehin Orang
Kaya Laila Setia Bakti Di-
raja Dato Laila Utama
Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda
Yang Dipertuan ka-jabat-
an itu telah di-alu2kan
oleh Yang Amat Berhor-
mat Menteri Besar Pen-
giran Dipa Negara Laila
Diraja Pengiran Abd.
Momin bin Pengiran Haji
Ismail, Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Pehin
Orang Kaya Laila Wijaya

Dato Seri Setia Awang
Haji Abd. Aziz, Pengawal
RTB, Dato James Miller
dan Pemangku Pengawal
RTB, Awang Abd. Razak
bin Haji Muhammad.

Sa-lepas bersalaman de-
ngan pegawai2 kanan ja-
batan itu, Kebawah Duli
Yang Maha Mulia kemud-
ian-nya di-junjong oleh
Pengawal RTB ka-Bilek
Studio Satu untuk men-
dengarkan taklimat men-
genai dengan perkemba-
ngan Radio Talivishen
Brunei sejak ia-nya di-
tubuhkan dalam tahun
1975 yang mana taklimat
itu telah di-sembahkan
sendiri oleh Dato James



KELINIK Dada ada-lah merupakan salah sa-buah tempat yang menjadi kunjungan Ke-
bawah Duli Yang Maha Mulia. Kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang men-
dengarkan penerangan berdata dari pegawai di-bahagian tersebut, YAM Pengiran Laila
Perkasa Pengiran Haji Mohd Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Miller.

Sa-lepas mendengarkan
taklimat dalam jangka
masa satu jam, Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
kemudian-nya di-junjong
berangkat melawat ka-
Bilek solek dan pakaian
jabatan itu.

Dari Bilek tersebut
Baginda Yang Dipertuan

sa-terus-nya di-junjong
berangkat ka-Bilek Berita,
Grafik, studio, Bilek
memproses filem dan ke-
mudian-nya memerhati
sa-chara dekat tentang
bahagian penggambaran
yang di-tunjukkan oleh
Bahagian Yunit Filem.

Dari sana, Baginda
Yang Dipertuan di-jun-

jong pula melawat ka-
Bangunan Lama jabatan
itu di-mana Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
beserta rombongan di-
bawa melawat ka-bebera-
pa bahagian antara-nya
termasuklah bahagian
Radio Brunei, bahagian
penerbitan, pentadbiran
dan sa-bagai-nya. Di-sam-
ping itu Baginda juga ber-
kesempatan melawat ka-
Studio Radio Brunei.

Semasa keberangkatan Ba-
ginda ka-Rumah Sakit Umom
di-sini, Baginda telah di-beri
taklimat oleh Pemangku Pe-
ngarah Perkhidmatan2 Per-
ubatan dan Kesihatan, Dato
Paduka Dr Haji Johar bin
Dato Haji Nordin tentang pe-
ranan jabatan itu sa-bagai
salah sa-buah jabatan kerajaan
yang bertanggung-jawab men-
genai dengan kesejahteraan
dan kesihatan rakyat dan pen-
duduk negeri ini.

Baginda kemudian-nya di-
junjong meninjau perkemba-
ngan semua bahagian Rumah
Sakit Umom yang telah men-
jalankan perkhidmatan ma-
sing2.

Keberangkatan Baginda ka-
pusat perubatan pada pagi itu
telah di-alu2kan oleh Yang
Amat Berhormat Menteri Be-
sar, Pengiran Dipa Negara
Laila Diraja Pengiran Abdul
Momin dan Yang Berhormat
Setia Usaha Kerajaan, Pehin
Orang Kaya Laila Wijaya
Dato Seri Setia Awang Haji
Abdul Aziz.

Lawatan tiga hari Ketua Menteri Sarawak ka-Negeri Brunei

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Ketua Menteri
Sarawak, Yang Amat Ber-
hormat Datuk Patinggi
Tan Sri Haji Abdul Rahman
Yaakob telah tiba di-
Brunei kelmari, Selasa,
17hb Mach, untuk memu-
lakan kunjungan tiga hari
beliau di-negeri ini.

Yang Amat Berhormat,
pada petang-nya telah
mengadap ka-hadapan

majlis Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Dipertuan di-Istana
Darul Hana dan pada ma-
lam-nya pula Ketua Men-
teri itu telah berkunjung
ka-kediaman Yang Ter-
amat Berhormat Pehin
Orang Kaya Laila Setia
Bakti Diraja Dato Laila
Utama Awang Haji Isa,
Penasehat Umom kepada

Kebawah Duli Yang Ma-
ha Mulia Paduka Seri Ba-
ginda Sultan dan Yang Di-
pertuan untuk bersama-
sama menikmati majlis
makan malam yang di-
adakan sempena lawatan
beliau ka-negeri ini.

Berbagai atorchara tel-
ah pun di-sediakan untuk
mengisi masa2 lawatan
Yang Amat Berhormat
Ketua Menteri itu dan be-

liau, pada pagi ini di-
jadualkan untuk membuat
kunjungan ka-Muzium
Brunei di-Kota Batu. La-
watan Yang Amat Ber-
hormat seterusnya pagi
ini ia-lah ka-Jabatan Hal
Ehwal Ugama di-sini.

Yang Amat Berhormat,
juga akan berangkat untuk
melawat ka-Pusat Latehan
Kesenian di-Jalan Berakas.

Pada malam nanti YAB
akan di-raikan di-dalam
satu jamuan makan ma-
lam di-Mess Pegawai Pu-
lis, Gadong dan di-jangka
hadhir bersama2 beliau di-
jamuan itu nanti ia-lah
Menteri Besar, Yang
Amat Mulia Pengiran
Dipa Negara Laila Diraja
Pengiran Abdul Momin.

Yang Amat Berhormat
Datuk Patinggi Tan Sri
Haji Abdul Rahman
Yaakob sa-belum bertolak
meninggalkan negeri ini
untuk kembali ka-Sarawak
pada jam 2.10 petang esok
(Khamis) akan melawat
Kampong Ayer dan se-
lepas itu menikmati jamu-
an makan tengah hari di-
kediaman Yang Berhor-
mat Setia Usaha Kerajaan,
Pehin Orang Kaya Laila
Wijaya Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Aziz.



KELIHATAN YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman
Yaakob di-sambut oleh Menteri Besar Brunei, YAM Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul
Momin bin Pengiran Haji Ismail, dan Pegawai2 Kanan Kerajaan, sa-jurus kapal terbang
yang membawa YAB dan rombongan itu tiba di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
pagi semalam.

Perlawanan Tinju Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Kejohanan Tin-
ju Kebangsaan terbuka di-
jangka berlangsung akhir
bulan Mei depan sa-bagai
salah satu acara dalam
pesta sokan anjoran Ja-
batan Kebajikan Belia dan
Sokan.

Kejohanan itu akan di-
kelolakan oleh Persatuan
Tinju Amatur Brunei dan
terbuka kepada petinju2
di-negeri ini.

Khusus untuk perlawan-
an yang akan di-adakan
latehan2 kini sedang dan
akan di-kendalikan di-tiga
daerah.

Sesiapa yang ingin me-
nyertai perlawanan ter-
sebut dan ingin menyertai
latehan boleh-lah berhu-
bong terus di-Pusat Belia
di-sini bagi mereka yang
tinggal di-daerah Brunei
Muara.

Mereka yang tinggal di-
Daerah Tutong dan Belait
ada-lah di-minta berhu-
bong ka-Pejabat Kebajik-
an Belia dan Sokan di-
daerah masing2.

Manis-nya Iman

"BARANGSIAPA yang
beriman kepada Allah
serta hari akhirat maka
hendaklah ia : —

- * Mengatakan yang baik
atau hendaklah ia
membisu;
- * Menghormati jiran-
nya;
- * Menghormati tetamu-
nya."

— HADITH Nabi riwa-
yat Al-Bukhari dan Mus-
lim daripada Abu Hurai-
rah.



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
HASRAT
REJAKAN
NEGARI
BRUNEI

18HB MACH, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

MENGUJI KECHEKAPAN

KECHEKAPAN ada-lah satu perkara yang di-perlukan dalam apa jua perkhidmatan. Chekap dan bergaya menjadi lambang kemegahan bagi satu2 pertubuhan yang beruniform dan jolokan kemegahan ini di-chukopkan lagi dengan kemahiran yang berma'ana bahawa tiga rangkai kata2 jolokan ia-itu chekap, bergaya dan mahir di-jadikan sa-bagai asas2 yang perlu dalam sebarang ujian yang di-adakan.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei adalah merupakan sa-buah pertubuhan yang menjadualkan ujian2 kecekapan ahli2-nya dengan gigih di-bidang dunia ketenteraan. Sungguh pun kerap kali di-terangkan bahawa ujian2 yang di-jalankan itu termasuk latehan2 bukan-lah bagi tujuan2 peperangan, tetapi sa-mata2 untuk menambahkan kecekapan2 yang sedia ada dan perlu di-mileki oleh anggota2 tentera. Dan fungsi penting penubuhan tentera kita ada-lah mengawal keamanan dan ketenteraman kita. Antara tanggungjawab2-nya yang nyata di-tonjolkan ia-lah menyumbangkan tenaga2 yang berkebakikan kepada masyarakat apabila ia-nya di-perlukan.

Bidang kerjaya tentera juga telah mengambil peranan yang penting dalam menampung keperluan2 belia2 kita untuk mendapatkan kemahiran2 yang di-perlukan. Sa-seorang yang memasuki kerjaya itu akan di-bekalkan dengan pengetahuan yang tidak saja untuk senjata menerajukan kehidupan akan tetapi melahirkan individu2 yang bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara-nya yang dipagari dengan tata-susila bangsa penchinta keharmonian.

Hari ini kita melihat pertumbuhan anak bangsa kita dalam pertubuhan ini yang telah dapat menjulangkan nama baik kita sa-bagai orang2 yang mampu memasuki apa jua bidang yang biasa-nya hanya kita yakini hanya dapat di-mileki oleh bangsa2 asing. Keyakinan lama itu (hanya orang2 asing yang pandai) tidak berjaya membunuh semangat warisan kita, malah merupakan satu chabaran yang perlu kepada satu bukti. Maka anak bangsa kita kini telah dapat membuktikan bahawa mereka tidak sa-lemah yang di-sangkakan pada awal-nya, malah lebeh chekap, bergaya dan mahir dalam bidang2 yang biasa-nya di-monopoli oleh orang2 asing itu. Maka jelas-lah hikmat yang terdapat pada perkataan: "belum chuba belum tahu, masok gelanggang dahulu, baru tahu siapa."

Maka itu memang-lah patut kita merasa bangga kemunculan anak-buah kita bijak menerbangkan pesawat2 terbang, terjun bermain di-ruang angkasa dengan payong berwarna-warni, memandu kereta2 kebal menyusur semua keadaan daratan, mengemudikan kapal2 perang menyusur lautan samudera, mengendalikan semua jenis senjata dan merayapi dunia ketenteraan dengan penoh yakin. Maka itu siapa kata kita tidak berkebolehan. Pokok-nya ia-lah peluang dan mengisikan peluang yang terbuka.

"Kejohanan Helikopter" yang di-anjarkan oleh Chawangan Udara Askar Melayu Diraja Brunei itu tidak-lah sa-mata2 sekadar bernama peraduan, malah ia lebeh berfungsi pada menchungkil kepintaran dan kecekapan anggota2 yang mengambil bahagian dan antara-nya anak buah kita itu telah berjaya menunjuk diri dalam mana kecekapan mereka ada-lah sa-banding dengan pegawai2 asing, malah mereka kelihatan lebeh berani lagi.

MENJADI ALAT

Tiada-lah dapat di-nafikan bahawa kaum belia suka kepada yang baru, mengingini silat dan kuntau sa-bagai menjaga diri dan sa-bagai menunjukkan kemegahan, maka keinginan dan kesukaan belia sa-perti ini boleh di-permain2kan oleh orang2 yang tertentu, termasuk guru2 ajaran sesat, nanti menyusol-lah masaalah hukum dan tasauf yang akhir-nya sampai kepada bahawa "mereka tidak perlu sembahyang lagi" kerana mereka sudah suci, dan belia2 itu di-jadikan alat untuk menchapai kepentingan2 mereka sendiri, dan yang ternyata sa-bahagian daripada ajaran2 yang sademikian membawa malapetaka yang bukan sedikit akibat-nya, saperti yang berlaku baru2 ini di-Batu Pahat, Malaysia, sa-hingga mengorbankan jiwa, dan mengganggu keamanan dan ketenteraman.

Belia Islam patut-lah menyedari akan kedudukan perkara saperti ini, UGAMA Islam tidak melarang supaya belia2 belajar silat, belajar ilmu mempertahankan diri, bahkan perkara2 yang sademikian ada-lah di-haruskan, dan jika ia di-niatkan untuk menjadikan badan sehat, agar kuat beribadat, maka ia menjadi pula sa-suatu yang mendasangkan pahala, tetapi kalau hendak belajar biarlah belajar kepada guru yang benar2 di-perchayai, kalau belajar bacha2an berguru-lah betul2 daripada guru2 yang di-perchayai, belajar-lah mengaji Kor'an, belajar-lah wirid2 yang datang-nya daripada Nabi Muhammad s.a.w. atau pun yang datang-nya daripada ulama2.

KA-AKHIRAT

Belajar membaca Al-Kor'an, belajar ilmu melakukan ibadat dengan betul, mengamalkan wirid2 yang muktabar, dan beramal dengan amalan2 yang wajib dan sunnah ada-lah merupakan jalan2 yang menuju keakhirat, kerana kita tidak akan kekal hidup di-dunia ini, sebab itu Imam Bukhari dan Imam Muslim ada meriwayatkan sa-buah hadith dari Ibnu Abbas yang bermaksud, bahawa sa-nya di-akhirat kelak ada tujuh golongan2 manusia yang akan mendapat naungan daripada Allah, golongan2 itu ia-lah:—

- 1 — Pemerintah yang adil.
- 2 — Belia yang rajin beribadat.
- 3 — Orang yang takwa kepada Allah.
- 4 — Orang yang hati-nya sentiasa bergantung dengan masjid.
- 5 — Dua orang yang bersahabat dengan mesra-nya, kerana Allah dan mereka berpisah kerana Allah.
- 6 — Orang yang memelihara diri-nya dari

LANDASI SEGALA DORONGAN HIDUP DENGAN AJARAN2 UGAMA

'Ketaatan itu di-gambarkan dalam keulahan pada mentaati perintah2 Allah dan menjauhi larang2-Nya.'

'Ria' dan Takabur boleh menjahanamkan diri sendiri.'

godaan wanita.

7 — Orang yang bersedekah dengan sa-chara senyap2.

Dalam cheramah ini, saya akan menyentoh (3) golongan sahaja, ia-itu belia2 yang rajin beribadat, orang2 yang takwa kepada Allah dan orang yang hati-nya sentiasa bergantung dengan masjid.

Belia yang rajin beribadat ini ia-lah belia2 Islam yang hati-nya tertawan oleh ajaran2 Islam, hati-nya telah di-penohi oleh keimanan kepada Allah, maka ia pun rajin beribadat, jika di-rasa-nya bacha2-nya tidak begitu betul, maka ia tidak malu2 bertanya, ia belajar mengaji, dan jika di-rasai-nya sembahyang-nya kurang betul, maka ia tidak akan malu2 bertanya mengenai amal sembahyang itu, demikian-lah seterusnya.

Orang2 yang takwa kepada Allah termasuk-lah belia2 yang takwa kepada Allah, ketaatan itu di-gambarkan dalam keulahan pada mentaati perintah2 Allah dan menjauhi larangan2 Allah. Dalam hidup ini terlalu banyak godaan2, terlalu banyak dorongan2 yang mana dorongan2 itu di-sebut sa-bagai kehendak2 hawa nafsu, sa-benar-nya dorongan2 dan hawa nafsu itu ada-lah punca tenaga kekuatan bagi diri sa-seorang dengan syarat jika ia di-perlakukan menurut samesti-nya, dan tidak-lah ia di-turuti sa-mahu2-nya, bahkan ia hendak-lah di-kendalikan menurut ajaran2 UGAMA kita supaya ia dapat di-menafa'atkan. Sa-bagai mithal dorongan2 itu ia-lah saperti berikut:—

1. Dorongan menyela-matkan diri, jika berlaku bahaya yang boleh mengancam diri sa-seorang maka sa-seorang itu akan berusaha menyelamatkan diri-nya, termasuk-lah berlari atau menyembunyikan diri. Tetapi ketika perang untuk mempertahankan kesucian Islam, maka yang di-letakkan di-hadapan ia-lah kepentingan UGAMA Islam itu bukan-nya kepentingan diri, kerana itu Ji-hat di-perkenalkan oleh Islam.

2. Dorongan menchari makan, perkara yang sademikian menjadikan sa-seorang itu sentiasa aktif khas-nya apabila ia berasa lapar, tetapi kalau tidak di-hadkan, maka makanan itu

sa-olah2 menjadi tujuan utama untuk hidup, 'ini-lah tujuan hidup bagi binatang.

3. Dorongan melawan, ia timbul apabila ada tentangan terhadap sa-suatu yang di-buat, dan jika ia berlebehan, maka berlakulah perkelahian, akan berlakulah peperangan, dalam hal ini ajaran bersabar di-perkenalkan oleh Islam, tetapi sabar itu pun ada had-nya, jangan sampai sabar punya sabar, UGAMA Islam di-permain2kan.

4. Dorongan jantina, ia-itu dorongan untuk melakukan hubungan kelamin antara laki2 dengan perempuan, dan ini-lah chara untuk mengekalkan keturunan, tetapi jika ia tidak di-bendung maka akan berlakulah kekacauan dalam masyarakat, dan berleluasa-lah anak2 haram dan pelachuran.

5. Dorongan menunjokkan diri, ia timbul apabila ada orang lain yang di-anggap-nya lebeh rendah daripada-nya, ia akan merasa megah menunjuk-kan kelebehan-nya, saperti menunjokkan kekuatan, menunjokkan kepandaian-nya, menunjokkan kekayaan-nya, perkara ini boleh menjahanamkan diri sendiri apabila timbul ria' dan takabur.

6. Dorongan mengambil, ia timbul apabila sa-orang melihat dan tertarek hati pada benda2 yang sangat di-kehendaki-nya, perkara ini jika tidak di-bendung akan timbul-lah penchurian dan perompakan.

Dorongan2 sa-bagai mithal yang di-nyatakan tadi, menurut istilah UGAMA ada-lah di-katakan sa-bagai "hawa nafsu", dan ia ada-lah merupakan puncha2 tenaga yang kuat pada diri sa-seorang khas-nya belia2. sa-tengah2 dorongan itu saperti dorongan jantina, dorongan menunjokkan diri, dorongan mengambil, jika tidak di-kawal dengan baik, dan tidak berjalan menurut landasan yang di-tentukan oleh ajaran2 UGAMA Islam, maka ia akan melampau dan membawa kerosakan kepada diri sendiri dan akan membawa kerosakan kepada masyarakat.

Kerana itu-lah UGAMA Islam mengotor dan mengenalkan halal haram, dan hukum pahala dosa, dalam perkara pembentokan peribadi sa-bagai belia Islam yang takwa ini, ma-



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd Zain.

ka ajaran2 Ilmu Tasauf yang betul boleh mengawal dorongan2 atau hawa nafsu itu supaya dapat di-pergunakan pada tempat-nya dengan betul.

Sa-bagai mithal, bagi mengawal dorongan jantina, UGAMA membenarkan perkahwinan, tetapi mengharamkan zina, Islam membenarkan orang berusaha menchari harta yang halal dan menegah orang bermegah2 dengan harta-nya dan kekayaan-nya dan menegah orang melakukan penipuan dan rasuah, bagi melayan dorongan melawan, maka UGAMA menyuruh sa-seorang itu bersabar kalau ada halangan2 kechil.

Pembentokan diri belia sa-bagai belia Islam yang takwa sangat-lah mustahak untuk menjaga diri daripada perkara2 yang haram dan perkara2 dosa, termasuk-lah mengawal hawa nafsu atau dorongan2 yang jika di-biarkan sa-mahu2nya perkara2 itu akan membawa jahanam kepada diri sendiri, sa-bagai kata orang tua2, ikut hati mati, ikut rasa binasa, oleh itu UGAMA Islam hendak-lah di-jadikan panduan dalam mengawal kehendak2 hawa nafsu.

MASJID

Pendampingan diri kepada masjid, sangat-lah mustahak, kerana sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tarmizi ada menyebutkan "bahawa sa-seorang yang pergi ka-masjid, maka orang itu ada-lah di-dalam jagaan Allah Subhanahu Wata'ala dan jikalau-lah orang itu menemui ajal-nya, maka ia di-masokkan oleh Allah ka-dalam shurga atau orang itu kembali selamat ka-rumah-nya, maka ia mendapat pahala dan keberuntungan" demikian di-antara fadzilat2 atau kelebehan mendampingkan diri kepada masjid.

TAUBAT

Mungkin dalam perjalanan hidup kita, kita tidak-lah terlepas daripada melakukan perkara2 dosa, sama ada yang di-senghajikan mahu pun yang tidak di-senghaja, kerana itu ada-lah mustahak kita menginsafi kedudukan diri kita dalam menjalani hidup ini.

Lihat muka 11

Belia2 dan masharakat Islam di-seru:

SENTIASA MENDIRIKAN SHALAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan Angkatan Kampong Setia (AKSE) baru2 ini telah menganjurkan satu kuliah ugama bagi belia yang telah diadakan di-Madrasah di-Kampong Setia, Kampong Ayer, sini.

Kuliah Ugama tersebut merupakan kegiatan dakwah Islamiah yang di-atur oleh jabatan itu di-kalangan persatuan2 belia dan kebajikan di-

seluruh negeri ini yang mana bertujuan bagi menyedarkan belia2 dan beliawanis2 tempatan kaarah pembentokan peribadi belia Islam yang tulen sa-laras dengan kehendak2 masharakat Islam di-negeri ini.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain dalam satu sharahan khas-nya pada malam itu telah menasihatkan belia2


dan masharakat Islam di-situ supaya sentiasa mendirikan shalat dengan penuh keimanan kepada Allah s.w.t.

Kerana, kata-nya, shalat yang di-kerjakan dengan sempurna boleh menegakkan sa-seorang itu daripada melakukan perkara2 yang mungkar dan sesat.

Di-samping mendengar cheramah, para peserta kuliah juga telah mengikuti satu acara khas ia itu mengenai dengan

menghalusi bacaan dan perbuatan di-dalam sembahyang yang di-kendalikan oleh dua belas orang guru2 ugama.

Para peserta kuliah juga telah sama2 menunaikan sembahyang fardhu Maghrib dan Isha berje-maah dengan Yang Berhormat Pengetua Hal Ehwal Ugama, yang juga menjadi imam sembahyang kepada kira2 300 orang umat Islam yang menghadiri majlis pada malam itu.



SA-BAHAGIAN dari hadhirin di-majlis pada malam itu. Majlis tersebut anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama AKSE.

Pendaftaran peperiksaan SRP Melayu/Inggeris tutup 16hb April 1981

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei bagi kedua-dua aliran Inggeris dan Melayu kini telah di-buka.

Satu kenyataan daripada Pejabat Peperiksaan menjelaskan yang pendaftaran yang mula di-buka pada Ithnin lalu itu akan di-tutup pada 16hb April depan.

Chalun2 persendirian yang berhajat bagi memasuki peperiksaan yang akan di-adakan di-dalam bulan Nobember itu mestilah pernah menghadiri tingkatan tiga dan dapat menunjukkan bukti2 pengajian seperti sijil berhenti sekolah atau pun di-sokong oleh Pengetua/bekas Pengetua sekolah mereka atau pun Penyelia Pelajaran Dewasa di-pusat2 yang berkenaan. Bagi mereka yang sudah bekerja pula, borang pendaftaran chalun hendak-

lah di-tanda tangani oleh Ketua Pejabat masing2.

Borang2 permohonan kini boleh di-perolehi dari Pejabat Lembaga Peperiksaan di-sini pada bila2 masa pejabat di-buka.

Borang2 masuk peperiksaan yang telah di-isikan berserta bayaran yang tertentu dan surat2 sokongan atau sijil2, mestilah di-kembalikan ka-ke Pejabat Lembaga Peperiksaan pada atau sa-belum tarikh penutup yang telah di-nyatakan.

Sementara itu, pendaftaran bagi peperiksaan2 Sijil Am Pelajaran Brunei peringkat Biasa dan Tertinggi (General Certificate of Education at "O" and "A" levels) yang akan di-adakan di-dalam bulan Nobember/Disember ini telah juga di-buka.

Mereka yang berhajat untuk menduduki peperiksaan Peringkat Tertinggi mestilah lulus sekurang-kurangnya tiga

mata pelajaran di-dalam Peringkat Biasa di-dalam satu peperiksaan dan kelulusan tersebut mestilah di-perolehi sekurang2-nya dua tahun sa-belum peperiksaan ini di-adakan.

Bagi peperiksaan Peringkat Biasa pula, para calon di-mestikan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau pun yang sebanding dengan-nya sekurang2-nya dua tahun sa-belum peperiksaan ini di-jalankan dan mereka mestilah menunjukkan segala dokumen persekolahan mereka yang baru.

Borang2 peperiksaan bagi chalun2 persendirian boleh di-perolehi daripada Pejabat Lembaga Peperiksaan di-sini.

Borang2 yang telah diisi dengan bayaran-nya sekali mestilah di-kembalikan kepada pejabat ini pada atau pun sa-belum 15hb April yang akan datang.

Bengkel Drama PEMBELA adakan mashuarat

KUALA BELAIT. — Bengkel Drama, Persatuan Belia Belait, (PEMBELA) akan mengadakan satu majlis mashuarat di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Ahad, 22hb. Mach yang akan datang.

Di-antara agenda yang akan di-bincangkan di-permashuaratan itu termasuklah perkara2 yang bersangkutan dengan pergerakan bengkel tersebut dan menetapkan kegiatan2-nya sepanjang tahun ini dan seterusnya untuk melantek ahli2 jawatankuasa baru.

Kehadiran para ahli bengkel tersebut ada-lah sangat2 di-alu2kan.

Ikuti kursus pergigian di-Singapura

BERAKAS KEM. — Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar dua orang lagi anggota2-nya untuk mengikuti kursus pergigian di-Singapura.

Soldadu 4874 Mohamad bin Nasir dan 5840 Ak Bakar Pg Apang, kedua2-nya daripada kompeni RHQ akan mengikuti Kursus Asas Dental Orderly di-sana dan ia-nya akan bermula dari 23hb. Mach hingga 30hb. Mei.

Mereka yang akan berlepas pada 21hb. Mach ini akan di-tempatkan di-Sekolah Perubatan Tentera, Perkhemahan Pasir Laba, Singapura.



YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain bin Haji Serudin.

Haji Ismail serahkan meriam besi kpd Muzium

BAHARU2 ini Muzium Brunei telah menerima sapuchok meriam besi yang di-serahkan oleh Awang Haji Ismail bin Haji Ahmad dari Kampong Peramu, Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan. Meriam itu yang berukuran kira2 3 kaki panjang ada-lah yang berasal dari Negeri Sepanyol, dan telah di-jumpai oleh Awang Haji Ismail pada 7hb. Januari 1981 sa-waktu beliau sedang membaiki tiang rumah beliau.

Atas jasa baik dan kerjasama Awang Haji Ismail itu Muzium Brunei menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh dan berharap orang ramai akan mencontohi sikap beliau itu.

Muzium Brunei mensifatkan Awang Haji Ismail sebagai contoh penduduk negeri yang benar2 menghargai dan menhantai sejarah bangsa dan tanah ayer-nya, ia-itu dengan sukarela menyerahkan tinggalan sejarah itu tanpa mengharapkan apa2.

Meriam yang di-serahkan itu kini sedang di-rekod dan di-katalogkan di-Muzium Brunei dengan membubuh nama orang yang menyerahkan-nya dan diabadikan di-Muzium Brunei untuk sa-lama2-nya — Gambar ehshan Muzium Brunei.



AWANG Haji Ismail bin Haji Ahmad berdiri di-samping meriam yang di-serahkan-nya kepada Muzium Brunei, baru2 ini.



Lawatan Baginda ka-rumah Sakit Umom di-Ibu Negeri


KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia kelihatan memerhati Bilek Pemulihan Anggota.



DI-BILEK yang sama adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkihah kelihatan berbual2 dengan salah sa-orang pesakit.



DI-BILEK Kaji Kaman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang menchuba alat mikroskop.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia sa-masa berada di-Bilek X-Ray dan juga telah di-beri penerangan oleh salah sa-orang pegawai perubatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berada di-salah sa-buah Bilek Makmal.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia kelihatan ketika sedang berada di-Klinik Mata.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berada di-Wad Kanak2.



DI-SATU bahagian Bilek Kaji Kuman Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menerima penerangan dari Pegawai Kaji Kuman Kanan, Datin Masni bte Haji Ali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia sedang menerima penerangan dari salah sa-orang pegawai di-salah sa-buah Bilek Komputer.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang melawat Bilek Rawatan Intensif.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia di-ziarahi oleh bebearpa orang pegawai kanan jabatan tersebut sa-jurus sa-belum berangkat pulang.

PEGAWAI2 AMDB BERKURSUS

BERAKAS GARRISON. — Tiga orang pegawai dari Chawangan Udara, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, akan menghadiri kursus Ground Instructor sa-lama lapan hari di-Ottoburn, Jerman Barat.

Menyertai kursus yang bermula pada 24hb, Mach depan ia-lah Major Waldron, Major Potts dan Kapitan Holt.

Kursus kedua bagi pegawai2 tersebut ia-lah la-



Awang bin Matnor.

tehan penerbangan, bertempat di-TBA, Jerman Barat. Major Waldron akan mengikuti latihan tersebut sa-lama sa-bulan, manakala Kapitan Holt akan menjalani kursus yang sa-rupa sa-lama 15 hari. Sementara itu, Major Potts akan menghadiri kursus Airframes sa-lama sa-bulan di-Ottoburn.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan menghantar tiga orang pegawai-nya, 3463 Sgt Sulaiman bin Suhaili, 4293 Sgt Bungsu bin Hj. Ibrahim dan 4502 Sgt Shahri bin Zainal, Ka-United Kingdom bagi mengikuti kursus C & F WO/SNCO Provision di-Sekolah Ordnance, Camberley.

Anggota2 dari Kompeni RHQ itu akan meninggalkan Brunei pada hari Sabtu depan, 21hb, Mach, bagi mengikuti kursus yang bermula pada 23hb, Mach depan.

Juga berlepas pada hari yang sama ia-lah 6045 Perajurit Rosli bin Bando, dan 6275 Perajurit Noor bin Laman, kedua-duanya dari Berakas Garrison LAD, 6115 Perajurit Pg. Hj. Mohiddin bin Pg. Anak Muda Haji Hashim dari Bengkel Pasokan, dan 6259 Perajurit Awang bin Matnor dari Pasokan Skuadran Perisai.

Anggota2 tersebut akan menjalani kursus Makenik Kenderaan Kelas 1, di-Sekolah SAF Ordnance, Kem Ayer Rajah III di-Republik Singapura, sa-lama lebeh kurang sa-bulan.

PENGGAMBARAN.

Sementara itu, dua orang lagi ahli2 Pasokan Askar Melayu Diraja Bru-

nei dari kompeni yang sama akan juga di-hantar untuk mengikuti kursus penggambaran di-Singapura.

Kedua2 Sgt 4521 Mohd. Zain bin Karim dan L/Cpl 5613 Sudarso bin Kasan yang akan mengikuti kursus asas penggambaran akan di-tempatkan di-Yunit Airphoto, Pengkalan Udara Tengah (Tengah Air Base) di-Singapura.

Kursus tersebut akan bermula pada 23hb, Mach dan berakhir pada 5hb, Mei yang akan datang.



Pengiran Haji Mohiddin bin Pg Anak Muda Haji Hashim.

Lawatan ka-Pasokan AMDB

BOLKIAH KEM. — Sa-ramai 28 orang penuntut, termasuk enam orang penuntut perempuan dari Pusat Latihan Teknikal di-Jalan Muara, yang kini sedang mengikuti kursus asas kejuruteraan pada 10hb Mach lalu, telah membuat lawatan pertama kali-nya ka-beberapa bahagian di-Pusat Pengajian Tentera di-sini dan di-Angkatan Laut, Muara.

Pegawai Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Dimulakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Musa bin Haji Ya'akub, telah memberikan taklimat mengenai kegiatan2 di-beberapa chawangan dan tanggung-jawab2 pasokan tersebut dalam pengawalan negara.

Antara tempat2 yang mendapat kunjungan pelawat2 tersebut pada hari itu ia-lah Muzium Pasokan, bilek menaip, teleprinter dan morse di-Chawangan Semboyan, dan bahagian2 elektronik, peralatan dan persenjataan di-Bengkel Pasokan.

Di-Padang Tembak Range 25 metres, penuntut2 telah menerima penerangan mengenai chara2 menembak oleh WO1 Mohd. Rous, dan di-berikan peluang menembak sasaran dengan Rifle M16.

Lawatan penuntut2 beserta enam orang guru pusat tersebut, di-teruskan ka-Chawangan Angkatan Laut di-Muara, di-sabalah petang-nya, bersama dua orang pegawai pasokan, Lt. Ya'akub dan WO2 Abd. Rajab.

Sementara itu, pada 11hb, Mach lalu, Muzium Pasokan, Chawangan Semboyan dan Bengkel Pasokan, sa-kali lagi telah mendapat kunjungan dari sa-rombongan pelawat2 yang terdiri dari 14 orang pelatoh dan empat orang kaki-tangan Pusat Latihan Pertanian Sinaut, di-Daerah Tutong.

Sa-belum memulakan lawatan, pelatoh2 tersebut telah di-alu2kan oleh Yang Dimulakan Pehin Datu Bendahara Mejar Sari bin Ahmad.

Pelatoh2 tahun kedua yang akan menamatkan latihan mereka dalam bulan April ini, juga telah di-bawa oleh dua orang pegawai, Lt. Osman bin Salleh dan Sgt Hussein bin Mohammad, ka-Pusat Pengajian Pasokan Askar Muda, AMDB.

Tempat terakhir dalam lawatan mereka pada hari itu ia-lah di-beberapa bahagian Angkatan Laut Muara.



ANTARA tempat yang di-lawat oleh Pelatoh2 Pusat Latihan Pertanian Sinaut ia-lah bilek Makmal Pusat Pengajian Pasokan Askar Muda, AMDB, Bolkliah Kem.

Lawatan Persatuan Bekas Penuntut2 M.S.O.A.S. ka-Dairy Farm

BERAKAS. — Sa-rombongan 40 orang Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengadakan lawatan ka-Dairy Farm di-jalan Berakas di-sini pada hari Jumaat 13hb, Mach yang lalu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Awg Hj. Abd Rahman bin Hj. Md. Noor, Setiausaha Sosial, sokan, kebajikan dan kebudayaan persatuan itu. Tujuan lawatan itu di-adakan selain daripada aktiviti bulanan ia-nya juga bertujuan untuk memerhati dan menyaksikan sa-chara dekat tentang perkembangan alam sekeliling di-Negeri Brunei.

Ketika mereka berada di-sana, rombongan tersebut telah di-berikan taklimat oleh sa-orang pegawai mengenai dengan perjalanan dan perkembangan shariat itu. Kemudian-nya rombongan itu pun di-bawa melawat ka-sekitar kawasan itu untuk melihat sa-chara dekat lagi bagaimana dan chara pekerja2 di-sana membuat kueh muel, eskrim dan

sa-bagai-nya yang beraneka, rupa khusus untuk kegunaan Shariat Penerbangan Diraja Brunei.

Sa-orang juruchakap dari persatuan itu memberitahu kepada Pelita Brunei bahawa lawatan sa-umpama itu ada-lah merupakan kali kedua dilakukan oleh persatuan itu di-mana lawatan pertama mereka ia-lah ka-Muzium, Askar Melayu Diraja Brunei bertempat di-Bolkliah Kem pada bulan Februari lepas.

Di-samping itu persatuan itu juga berchadang akan mengadakan projek memuchang-muchang bagi membaiki dan menambah serta membersehhkan kawasan Peranginan Tasik Merimbun di-Daerah Tutong. Projek tersebut di-jangka akan di-jalankan pada hari Ahad 22hb, Mach yang akan datang.

Dan pada menambahkan lagi pengetahuan ahli2 persatuan itu, persatuan itu juga di-jangka akan mengadakan lawatan ka-Rumah Panjang dan Pejabat Pertanian Daerah Temburong yang akan di-

adakan pada hari Ahad 29hb, Mach ini.

Oleh itu kepada ahli2 yang berminat untuk mengikuti lawatan tersebut, mereka ada-lah di-nasehatkan supaya menghongi Setiausaha agong persatuan itu di-alamat peti surat 2706, Bandar Seri Begawan Brunei.



PELATEH2 telah di-beri penerangan oleh Lt. Emran, sa-belum mereka melanjutkan lawatan ka-Angkatan Laut, di-Muara.



KELIHATAN Pelatoh2 ini berpeluang menaiki sa-buah kapal tentera di-Angkatan Laut Pertama.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 18HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE
5.30 JOSIE AND THE PUSSY CATS IN OUTER SPACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LITTLE LORD FAUNTLEROY
6.30 DR WHO - "The Androids of Tara" - Ep. 3
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 DR WHO - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS - "The Prodigal Mother"
7.47 AZAN ISHA
7.51 DALLAS - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S
9.50 MID WEEK MOVIE : "Many Rivers To Cross"
Dia berkehendakkan satu kawasan hutan tetapi dapat pula sa-orang isteri. Para perlakun: Robert Taylor, Eleanor Parker, Victor McLaglen, Russ Tamblyn, James Arness dll.
11.30 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 19HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY - Ep. 5
6.30 THE TOMORROW PEOPLE
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 THE TOMORROW PEOPLE - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DREAM MERCHANTS
7.47 AZAN ISHA
7.51 THE DREAM MERCHANTS - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT

- 9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 WKRP IN CINCINNATI
10.00 FROM HERE TO ETERNITY
Episod terakhir
10.50 GREAT WESTERN THEATRE
12.20 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 20HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE - "Chiffy Kids" - Bgh. pertama
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.30 BARRIERS
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 BARRIERS - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JAMES LAST STAR PARADE
7.47 AZAN ISHA
7.51 JAMES LAST STAR PARADE - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ALAM PERTANIAN
9.00 SOAP - Episod 13
Burt merancang satu party kerana kemenangan mengatasi "kelemahan"-nya tetapi terpaksa membatalkannya kerana sa-suatu sebab yang baru timbul.
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
1.025 QUINCY : "Never A Child"
12.15 SIARAN TAMAT.

SABTU - 21HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES
6.30 BEWITCHED - "The House That Uncle Arthur Built"
Romans Uncle Arthur tidak sa-begitu praktikal dengan jenaka-nya.
6.35 AZAN MAGHRIB



KAPADA peminat2 ranchangan W.K.R.P. In Cincinnati saksikan-lah paibunan mereka dalam episod terakhir dari siri kali ini jam 9.30 malam esok.

- 6.39 BEWITCHED - sambongan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 APHRODITE'S INHERITANCE
7.46 AZAN ISHA
7.50 APHRODITE'S INHERITANCE - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SERIKANDI
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA - Pelakun2 : Doktor Fadli, Tante Josepha.
11.10 LIFELINE : "Dr Luke".
12.00 SIARAN TAMAT.

AHAD - 22HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HOW
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURE - "Nosey Dobson"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 CHILDREN'S FEATURES - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LIFE ON EARTH - "Life In The Trees"
7.46 AZAN ISHA
7.50 LIFE ON EARTH - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 BOSOM BUDDIES
9.00 MUTIKA No. 2
9.30 BACKSTAIRS AT THE WHITEHOUSE - Episod terakhir.
10.20 ARMCHAIR THRILLER - "The Girl Who Walked Quickly" - bahagian pertama.
David Cooper mempunyai banyak kawan. Satu daripada-nya ia-lah satu organisasi yang merancang untuk menipu David demi untuk mencapai matalamat2 mereka.
10.50 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 23HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.14 SUPER 7
5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.30 GRAHAM'S GANG - "Camaraderie"
Dalam siri terakhir ini Graham mewakili kumpulan-nya dalam satu perlumbaan go-kart.
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 GRAHAM'S GANG - sambongan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.46 AZAN ISHA
7.50 VEGAS - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
9.40 DUKES OF HAZZARD
10.30 PATROL BOAT - "Conduct Prejudicial"
11.15 SIARAN TAMAT.

SELASA - 24HB MAC.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
5.30 THE SHARI SHOW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GRANGE HILL
6.39 ABC INTERNATIONAL PACKAGE
6.35 AZAN MAGHRIB
6.30 ABC INTERNATIONAL PACKAGE - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HILL STREET BLUES - "Presidential Fever"
7.46 AZAN ISHA
7.50 HILL STREET BLUES - sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR : "Man Friday"
Pelakun2 : Peter O'Toole, Richard Roundtree, Christopher Cabot, Peter Cellier.
11.00 DICKENS OF LONDON
11.15 SIARAN TAMAT.



ELEANOR Parker dan Robert Taylor dalam "Many Rivers to Cross" tayangan gambar malam ini.

MUTIKA '81 PERENGKAT SA-PAROH

AKHIR BAHAGIAN KEDUA

SA-BANYAK empat ranchangan pertandingan perengkat separoh akhir ranchangan Mutika 1981 telah pun di-ator. Peserta2 yang bertanding dalam ranchangan kedua ini ada-lah seperti berikut :

- | | | | |
|-----------------------------|---------------------------|-----------------------------|---------------------------|
| 1. Ak Mohd Salleh Pg Ismail | 3. Sa'adiah Haji Ghazali. | Puteh | 7. Anis Supiantara Moslam |
| 2. Suadi Trokie. | 4. Mohammed Karim. | 6. Dk. Norsaadah Pg Mahmud. | 8. Abdullah Haji Tahir. |

Jangan lupa mengikuti ranchangan ini yang akan di-tayangkan di-talivishen pada hari Ahad malam 22hb Mach 1981, jam 9.00 malam.



KELIHATAN dalam gambar ini, Dayang Helen Thu di-beri tunjuk chara menenun oleh Dayang Geyiang.

SERIKANDI

- Bertenun

BERTENUN merupakan satu warisan yang di-warisi oleh nenek moyang kita zaman dulu dan ke-ahliannya maseh terdapat hingga masa ini. Menyentuh berkenaan dengan bertenun ini, puan2 akan dapat mengikuti satu petekan penggambaran kami ka-Kampung Benggerang, Ulu Belait dan wakil kami sempat bertemu bual dengan Che'gu Dayang Geylang.

Di-samping itu, puan2 akan dapat mengikuti satu tunjok chara pemasangan carpet oleh Awang Bakhtiar, wakil dari Malayan Electrical. Satu lagi petekan penggambaran kami ia-itu di-Pusat Latehan Jalan Muara di-mana kita dapat mengetahui akan kegiatan dan kursus2 yang di-kendalikan di-pusat ini.

Mengakhiri ranchangan ini, kita berhibor dengan Puan Wang Chan Hsiao Ying dengan permainan organ-nya.



RANCHANGAN TVP DARI 23HB HINGGA 29HB MACH

ISNIN — 23HB MACH

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 10 Murid2 di-ajar menghitong 4 hingga 6 dan mereka juga di-ajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'J'.

10.30 KAP KAP UDANG 308

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MENYANYI DENGAN GAYA, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMIN, BERMAIN KUDA, KERJA TANGAN dan CHERMIN SAKTI. Untuk kerja tangan, Che'gu Rokiah akan menunjukkan chara menchap bentok dan bunga dengan menggunakan ubi kentang dan batang daun pisang.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 308.

SELASA — 24HB MACH

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 10

10.30 KAP KAP UDANG 309

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti RUANGAN BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BELON SI-MANIS, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI. Ruangan kerja tangan Che'gu Rokiah akan membuat kerusi dan meja dari pada kotak machis.

RABU — 25HB MACH

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 10

10.30 KAP KAP UDANG 310

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERMAIN MUSIK, LUKISAN DARI RUMAH, BERSENAM, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan binatang, Che'gu Rokiah akan bercherita darihal sa-ekor kambing.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 310.

KHAMIS — 26HB MACH

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 311

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERMAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, AMINAH, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah TOK Kerdil.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 311.

JUMA'AT — 27HB MACH

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

Kerja tangan Che'gu Rokiah akan menunjukkan chara membuat anak patong daripada benang Ros.

SABTU — 28HB MACH

PETANG

10.30 KAP KAP UDANG 312

Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti KETUA KESELAMATAN, AMIN, MENGATOR GAMBAR, BOLA TUMBOK, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan Pekerjaan Sendiri Che'gu Rokiah dan anak2 akan menchap dengan menggunakan jari mereka masing2.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 312.

AHAD — 29HB MACH

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN KERUSI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

CHERITA Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Pergi Ka-Pasar'.

PERHATIAN :

Ranchangan 'Look, Listen and Speak 10' ini ada-lah ranchangan terakhir bagi Penggal Pertama. Siri Ranchangan Look, Listen and Speak akan dapat di-saksikan pada awal Penggal Kedua ia itu 4hb Mei, 1981.



KELIHATAN di-atas Jack Klugman (Quincy) dan Carol Tragen dalam episod "New York, New York".

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

Mulai dari 18hb. hingga 24hb. Mach 1981

RABU

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Lagu dan senikata; 9.30—Permintaan pagi Rabu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph pendengar; 1.00—Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). T/HARI: 12.00—Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi harapan; 1.30—Hiboran menjelang rehat. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Pilihan irama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Serbanika hiboran (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Untuk belia; 9.00—Permintaan sukaramai; 9.30—Apa pilihan awda; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Dendang antarabangsa; 9.30—Rampai sari hiboran (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London (su); 10.30—Permintaan sukaramai; 1.30—Ruangan ketani (su). T/HARI: 12.00—Lagu2 Melayu asli—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitra wara (su); 1.30—Hiboran menjelang rehat. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Majallah agama/Petikan soal jawab ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Lagu2 nasehat; 6.00—Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Bachan surah yassin-Tafsi Irama dakwah; 7.30—Bimbingan Al-Kor'an—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwar radio (su); 9.00—Tafsir Al-Kor'an; 9.30—Hidayat; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45—Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30—Pertanian; 9.00—Pelajaran dewasa di-udara; 9.30—Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30—Dari kampung ka-kampung; 11.00—Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluarga jaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Juma'at; 1.15—Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Mutuara gambus. PETANG: 2.13—Membachakan susunan ranchangan; 2.15—Varia peristewa; 2.30—Ruangan ketani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa pendapat awda/hiboran; 3.30—Focus Radio—Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30—Chitrawara; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Gurindam lagu; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan khutbah Juma'at; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—

—Cherpen dan selokan-nya; 7.30—Majallah Radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (su); 9.00—Mutika/petikan dari filem (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 7.30—Pada hemat saya—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Soalan di-udara; 9.15—Dendang antarabangsa; 9.30—Tetamu minggu ini (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Varia peristewa (su); 10.30—Serbanika hiboran (su); 11.00—Focus radio (su); 11.30—Apa pendapat awda/hiboran. T/HARI: Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitra Irama; 1.30—Lagu dan senikata. PETANG: 2.00—Permintaan hujung minggu; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran pilihan; 3.30—Cherpen dan selokan-nya—Azan fardhu asar; 4.00—Mutuara asli; 4.30—Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00—Irama gembira; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 lama; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Mutuara gambus (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00—Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30—Titian budaya (su); 9.45—Irena keronchong; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30—Majallah Radio (SU); 9.00—Taman mekar; 9.30—Dunia Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Doctor Radio; 10.30—Pop minggu ini; 11.00—Titian budaya; 11.30—Pancharagam tempatan. T/HARI: 12.00—Sandiwar Radio—Azan fardhu dzohor; 12.30—Rampai tengah hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan dua station. PETANG: 2.00—Membachakan susunan ranchangan; 2.02—Mutika/Petikan dari filem; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olahraga; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Pilihan juruhebah; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 gazal; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Gurindam lagu; 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Suara perajurit; 9.30—Permintaan lagu2 60an; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Rampai sari hiboran; 9.30—Dendang antarabangsa; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang dengan ku; 10.30—Sain dan perusahaan; 11.00—Album penyanyi; 11.30—Bingkisan tanah ayer. T/HARI: 12.00—Komintar radio; 12.15—Lagu2 rampai—Azan fardhu dzohor; 12.30—Opening Announcement—Battle of Words (repeat); 8.30—English Examined Programme—44; 8.45—Sun Poems presented by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00—Hot Questions Cool Replies produced by Tajul Ahmad; 9.15—News; 9.30—Science Pop; 9.45—Interlude; 10.00—Close Down.

hor; 12.30—Rampai joget; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan sukaramai. PETANG: Siaran berhenti rehat. 5.00—Hiboran pilihan; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Penyanyi harapan; 7.30—Tunas pendidek—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Chitra irama (su); 9.00—Pertanian; 9.30—Mutuara asli (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Suara parajurit (su); 9.30—Permintaan kaum wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London; 10.30—Autograph pendengar (su); 11.00—Dunia wanita (su); 11.30—Hiboran untuk suri2 rumah tangga; 11.45—Doctor Radio (su). T/HARI: 12.00—Hiboran tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Wanita Berita; 1.00—Tetamu minggu ini; 1.30—Ku sampaikan salam. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Lagu2 nasehat; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama senja; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Album penyanyi (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Pancharagam tempatan; 9.00—Keluarga jaya (su); 9.30—Permintaan sukaramai; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkan Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

From 18th to 24th March 1981

WEDNESDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Feminine Choice by Viviyanti Ali and Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Evelyn Samuel assisted by Ideris Ali and Asha Devaraj. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Theatre Forty-Five: "The Chair" by Roger Lenggrig; 8.30—Sweet and Stylish; 9.15—News; 9.30—"Close Encounters of a Bookish Kind" produced by Helen Thu; 10.00—Close Down.

THURSDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Feminine Choice by Viviyanti Ali and Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Evelyn Samuel assisted by Ideris Ali and Asha Devaraj. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Hello Tomorrow; 8.30—Perspective; 8.45—Norrie Paramor and his orchestra; 9.15—News; 9.30—The Big Band Sound; 10.00—Close Down.

FRIDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—English Examined—Prog 43 (repeat); 11.15—Strictly Instrumental; 11.30—Children's Half Hour. NOON: 12.00—Friday Voices by Viviyanti Ali. PM: 12.30—News; 12.45—The Paramour Sound; 1.15—BBC World Report; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Friday Voices (repeat); 8.30—Dateline; 9.00—International Money Programme; 9.15—News; 9.30—String Sound; 10.00—Close Down.

SATURDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Feminine Choice by Viviyanti Ali and Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Evelyn Samuel assisted by Ideris Ali and Asha Devaraj. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Practical World; 8.15—Hits In Germany; 8.45—Two Away For No; 9.15—News; 9.30—Top of The Pops—849; 10.00—Close Down.

SUNDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Battle of Words by Tajul Ahmad; 1.30—"Close Encounters of a Bookish Kind" produced by Helen Thu. NOON: 12.00—Blondie. PM: 12.30—News; 12.45—Top of The Pops—849 (repeat); 1.15—Radio Doctor by Ideris Ali; 1.30—Close Down. Tajul's Student Night: 8.00

—Opening Announcement—Battle of Words (repeat); 8.30—English Examined Programme—44; 8.45—Sun Poems presented by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00—Hot Questions Cool Replies produced by Tajul Ahmad; 9.15—News; 9.30—Science Pop; 9.45—Interlude; 10.00—Close Down.

MONDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Feminine Choice by Viviyanti Ali and Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Evelyn Samuel assisted by Ideris Ali and Asha Devaraj. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. David's Music Night: 8.00—Opening Announcement—Mendelssech and Mozart; 9.00—Indian Classical by Asha Devaraj; 9.15—News; 9.30—Musical Miscellany; 10.00—Close Down.

TUESDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Feminine Choice by Viviyanti Ali and Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Evelyn Samuel assisted by Ideris Ali and Asha Devaraj. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. Ja'far Pop Music Night: 8.00—Opening Announcement—Just For You/Quiz; 9.00—Rock Line; 9.15—News; 9.30—Pop Music From Asia; 10.00—Close Down.



YAN B T



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika berangkat ka-jabatan Radio Talivishen Brunei telah di-alu2kan oleh pegawai2 kanan jabatan itu dengan di-iringi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengawal RTB, Dato James Miller seperti kelihatan dalam gambar (atas kiri), selepas bersalaman Baginda Yang Dipertuan di-junjung ka-Bilek Studio Satu untuk mendengarkan taklimat mengenai dengan perkembangan dan perjalanan jabatan Radio dan Talivishen Brunei (gambar bawah kiri). Selepas mendengarkan taklimat Baginda kemudian-nya di-junjung melawat ka-beberapa bahagian jabatan itu (gambar bawah) menunujukkan ketika Baginda berada di-Bilek Penggambaran (Still Film) sementara gambar kanan bawah pula menunujukkan sa-masa Baginda melawat ka-Bilek Studio Berita dan (gambar kanan) memperlihatkan Baginda Yang Dipertuan memerhati sa-chara dekat tentang perkembangan bahagian yunit filem bertempat di-kawasan jabatan itu.



DUNIA IBARAT KEBUN YANG DI-HIASI

Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith telah bersabda yang kira2 bermaksud:

Dunia ini ibarat satu kebun yang di-hiasi dengan lima macham perhiasan, ia-itu:—

1. Ilmu ulama2 dan cherdek pandai.
2. Keadilan para peng-uasa.
3. Ibadat hamba2 Allah.
4. Kejujuran para peni-a dan pengusaha.
5. Kepatohan para pe-gawai dan pekerja kapada peratoran.

Perhiasan pertama ia-itu ilmu ulama dan cherdek pandai tentang kedun-iaan menunjukkan kapada kita, bagai mana chara dan jalan-nya supaya ke-bun dunia ini memberi fa-edah yang sa-benar2-nya kapada kita. Ilmu ulama2 tentang ugama memimpin kita ka-jalan yang lurus dan memberikan pimpin-an rohani yang boleh memberikan ketenangan jiwa kapada anggota2 ma-sharakat.

Perhiasan yang kedua ia-itu keadilan para peng-uasa. Ketua2 yang berlaku adil dalam sa-tiap tindak-kan-nya, berani menyalah-kan apa yang salah, dan membenarkan apa yang benar, sanggup membela orang yang lemah dan sanggup menghukum orang yang kuat tetapi melanggar yang hak dan benar, bertindak menurut kebenaran, dan tidak mengikut hawa nafsu dan chara pileh kasch, ini adal-ah merupakan perhiasan yang turut memberikan seri perhiasan kebun dunia ini.

Perhiasan yang ketiga ia-lah ibadat hamba2 Allah ia-itu ibadat hamba2 Allah yang khusu' dan ikhlas, hamba2 yang bu-kan sahaja pandai bekerja dan pandai membangun negara tetapi tahu meng-ingat Allah, berzikir dan beribadat dan berdo'a ka-pada-Nya.

Perhiasan yang ke-empat ia-lah kejujuran pa-ra peniaga dan pengusaha ia-itu kejujuran dan ama-nah para peniaga dan pe-ngusaha dalam segala urusan mereka, tidak

"memoyuk" dan tidak bertindak mengikut un-tong sa-chara berlebe-lebehan, tiada menyurok-kan barang2 dagangan de-ngan maksud untuk me-naikkan harganya, mereka bertindak sa-chara patut dan munasabah. Ini adal-ah salah satu perhiasan yang turut memberi keind-ahan kapada kebun dun-ia ini.

Perhiasan yang ke-lima ia-lah: Kepatohan para pegawai dan pekerja kapada peratoran. Para pegai-wai dan pekerja di-mana2 sektor pun mesti-lah pa-toh dan tundok kapada di-siplin dan peratoran yang tertentu kerana dengan de-mikian baharu-lah akan terator segala pentadbiran dan pekerjaan dan segala usaha dan pekerjaan akan beroleh kemajuan dan ke-jayaan. Yang demikian kepatohan para pegawai dan pekerja kapada per-atoran itu adal-ah meru-pakan salah satu perhias-an yang menambah indah-nya kebun dunia ini.

Kelima-lima perhiasan yang telah di-terangkan oleh Rasulullah s.a.w. bag-i kebun dunia ini adal-ah merupakan chiri2 bagi membentok sa-buah nega-ra yang di-kehendaki oleh Ugama Islam.

Akan aman dan dami-lah sa-sebuah masharakat dan negara sa-lama pe-mimpin dan ulama2 serta cherdek pandai dapat mempergunakan ilmu dan pengetahuan masing2 bagi membimbing dan menga-wasi orang awam supaya tiada tersesat ka-jalan2 yang salah dan memper-gunakan ilmu itu untuk perkembangan dan kema-juan masharakat dan ne-gara.

Akan aman dan dami-lah sa-sebuah masharakat dan para pemimpin dan para penguasa yang berkuasa menjalankan keadil-an dalam tindak tandok mereka supaya si-lemah jangan tertindas dan si-kuat jangan bermaharaja-lela.

Akan bertambah maju-lah ekonomi sa-lama sau-dagar2 dan para pengu-



saha bersifat amanah dan bertindak sa-chara jujur, menchari untong dengan jalan yang halal, yang mendapat kepercayaan dari pembeli dan peng-guna, harta kekayaan ti-dak sa-mata2 beredar an-tara beberapa tangan, akan tetapi menjadi alat untuk kebahagiaan bersa-ma.

Akan bertambah-lah ke-kuatan bathin satu kaum, akan bertambah-lah senja-ta rohani satu umat sa-lama mereka menjadi ahli2 ibadat yang khusu' dan ikhlas kapada Allah.

Akan bertambah berke-san-lah hasil usaha satu kaum atau yang para pe-gawai dan pekerja2-nya sentiasa patoh kapada di-siplin dan peratoran serta bekerja menurut ranchan-gan yang tertentu.

Mari-lah kita umat Islam menyedari akan ha-kikat dan ajaran2 daripad-a hadith yang telah kita sebutkan tadi dan beru-saha melaksanakan-nya di-semua peringkat supa-ya akan bertambah2 aman, makmor dan baha-gia masharakat dan ne-gara kita Brunei Darus-salam.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Mach, 1981 hingga ka-hari Selasa 24hb Mach, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
18hb Mach		12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10	6.25
19hb Mach		12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10	6.25
20hb Mach		12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10	6.25
21hb Mach		12.32	3.50	6.35	7.46	4.54	5.09	6.23
22hb Mach		12.32	3.50	6.35	7.46	4.54	5.09	6.23
23hb Mach		12.32	3.50	6.35	7.46	4.54	5.09	6.23
24hb Mach		12.32	3.50	6.35	7.46	4.54	5.09	6.23

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

BELUM-LAH lagi boleh di-katakan sa-seorang umat Islam itu lengkap keIslaman-nya, kalau-lah dia tidak mengetahui dan mempraktikkan apa-kah dia erti iman itu sa-benar-nya di-dalam hidup-nya. Memang sa-wajar-nya sa-tiap umat Islam itu ingin mengetahui siapa-kah dia, dari mana asal-nya dan bagaimana-kah dia boleh menjadi sa-orang umat Islam, mungkin-kah dia sa-chara Islam keturunan sahaja tanpa melakukan amalan yang wajar sa-bagaimana tugas2 sa-tiap orang Islam atau pun sa-memang-nya dia sa-orang Islam yang benar2 taat kapada perintah Allah dan rasul-Nya.

Jadi perkara ini kalau-lah hendak di-kupas de-ngan sa-dalam2-nya, ten-tu-lah ia-nya akan me-merlukan satu pembicaha-raan yang panjang. Dari itu sa-bagai satu panduan yang ringkas sahaja, maka rukun iman yang wajib kita ketahui dan kita ikuti itu adal-ah enam per-kara:—

- (1) Perchayakan Allah.
- (2) Perchayakan Rasul2-Nya.
- (3) Perchayakan Malai-kat2-Nya.
- (4) Perchayakan Kitab2-Nya.
- (5) Perchayakan Qada' dan Qadar daripada Allah.
- (6) Perchayakan Hari Kiamat.

Ke-enam2 rukun ini wajib-lah di-perchayai serta di-jiwai oleh sa-tiap umat Islam, sebab-nya dari sini-lah nanti akan wujud-nya satu perasaan keIslaman yang sejati dan

IMAN DAN UNSOR2-NYA

ini akan dapat memimpin sa-seorang hamba Allah itu ka-jalan yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

Sa-bagaimana yang per-nah di-riwayatkan oleh Abu Hurairah radiallahu anhu yang kira2 erti-nya.

"Ada-lah Nabi s.a.w. pada suatu hari hadhir dan duduk bersama-sama para sahabat, maka da-tang-lah kapada-nya sa-orang lelaki lalu bertanya; Apa-kah iman itu? Nabi menjawab; Iman itu, ia-lah; Engkau mengimani, yakni engkau membenarkan sambil mengakui akan Allah, akan Malaikat2-Nya dan akan menjumpai-Nya, dan akan Rasul2-nya dan engkau mengimani dan bangkit. Bertanya orang itu pula; Apa-kah Islam itu? Nabi menja-wab; Islam itu ia-lah engkau ibadati akan Allah, tidak engkau me-nyekutukan sa-suatu de-ngan Dia, engkau mendiri-kan sembahyang, engkau menunaikan zakat yang di-fardhukan dan engkau berpuasa di-bulan Rama-dhan. Bertanya orang itu lagi; Apa-kah ihsan itu? Nabi menjawab; Ihsan itu, ia-lah; Engkau mengi-badati Allah, sa-olah2 engkau melihat-nya. Jika engkau tidak melihat-nya, maka sa-sungguh-nya Allah melihat engkau, ke-mudian orang itu ber-tanya; Bila-kah kiamat itu? Menjawab Nabi; Tiada-lah orang yang di-tanya kapada-nya tentang kiamat, lebe lebih mengetahui

Bingkisan
minggu
ini

dari yang menanya sen-diri. Dan saya akan meng-kuharkan kapada engkau tentang tanda2-nya ia-itu; Apabila budak2 wanita melahirkan tuan-nya dan apabila pengembala2 unta yang berkulit hitam ber-megah2 dalam mendirikan rumah2-nya yang tinggi2. Mengetahui kiamat masok dalam lima perkara, tidak ada yang mengetahui-nya melainkan Allah sendiri."

Sa-telah mengadakan soal-jawab dengan Nabi Muhammad s.a.w. orang lelaki itu pun mengundor-kan diri dan kemudian Nabi Muhammad s.a.w. pun memberikan perka-baran kapada para2 saha-bat bahawa orang lelaki yang datang itu tadi adal-ah Malaikat Jibril alaihis-salam yang telah datang untuk mengajar manusia tentang ugama-nya.

Jadi adal-ah jelas ka-pada kita umat2 Islam ba-hawa iman itu adal-ah me-ngiktikatkan dengan hati, menutorkan dengan lidah dan mengerjakan dengan anggota akan segala peren-tah Allah dan Rasul-Nya.

Kuliah Ugama bagi belia

Dari muka 2

Kerana itu di-dalam ajaran Ugama Islam ada di-perkenalkan mengenai dengan TAUBAT, ia-itu menyesali akan perbuatan dosa yang telah di-kerja-kan dan selanjut-nya ber-azam untuk tidak akan berbuat dosa itu lagi dan seterusnya kembali ka-

jalan Allah. Tujuan bertaubat itu ia-lah untuk mendekatkan diri kapada Allah dengan menyembah-kan taat setia yang ikhlas kerana Allah sa-mata2, de-ngan chara menurut segala surohan Allah dan mening-galkan segala larangan-Nya.

Orang yang bertaubat itu sangat-lah di-kasehi oleh Allah, sa-bagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 222 yang bermaksud "Bahawasa-nya Allah kaseh akan orang yang bertaubat dan Allah kaseh akan orang yang mensuchikan diri-nya daripad-a dosa." Di-samping itu Rasulullah s.a.w. ada ber-sabda yang bermaksud "Orang yang bertaubat ia-lah kekaseh Allah, orang yang bertaubat daripada dosa dan taubat-nya itu di-terima oleh Allah ia-lah saperti orang yang tidak ada berdosa."

Taubat hukum-nya adal-ah wajib ka-atas orang2 yang mengerjakan maksiat, sa-bagaimana firman Allah dalam Surah An-Nur ayat 31 yang bermaksud "Bertaubat-lah kamu sekalian kapada Allah wahai orang2 mukmin mudah2an kamu mendapat kemenangan dan kebahagiaan."

Ada pun sharat2 bertaub-

bat itu 3 perkara saperti berikut:—

1 — Hendak-lah di-ting-galkan perbuatan maksiat dan perbuatan dosa.

2 — Hendak-lah menye-sali diri sendiri, kerana te-lah melakukan perbuatan maksiat dan perbuatan do-sa itu.

3 — Hendak-lah bera-zam dengan sungguh2 ba-hawa ia tidak akan kem-bali lagi melakukan per-buatan maksiat dan per-buatan dosa untuk sa-lama2-nya.

4 — Jika dosa itu ia-lah di-antara sa-sama manu-sia, maka hendak-lah di-tambah satu sharat lagi, ia-itu hendak-lah di-kem-balikan hak orang yang di-zalimi atau di-minta halalkan perkara yang ber-kenaan.

Maka dengan melakukan taubat yang sa-demikian Insha Allah kita akan di-kasehi oleh Allah dan kita akan berjalan dengan hati yang senang menurut garis2 yang di-ajarkan oleh Ugama Islam.

Kerana itu, dalam pem-bentokan diri belia Islam yang takwa, maka kita per-lu-lah memperhatikan per-kara2 yang telah di-nyata-kan dalam cheramah ini.

PERKARA AZAN DAN IQAMAH (I)

DALAM Shara' Azan itu ia-lah suatu zikir kepada Allah Ta'ala dengan menggunakan lafaz2 yang tertentu ia-itu bagi memberitahu kaum muslimin bahawa waktu untuk menunaikan salah satu dari sembahyang lima waktu telah tiba.

Sharat2 Melakukan Azan

Sharat2 untuk melakukan Azan dan Iqamah ia-lah hendaklah orang itu Islam, Mumaiyiz (bukan kanak2 yang belum mumaiyiz atau mabok atau sa-umpama-nya). Dan di-terbitkan lafaz2 Azan dan Iqamah itu mengikut susunan yang warid datang daripada Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), serta berturut2 di-antara kedua2 lafaz-nya. Hendaklah Azan itu di-lakukan oleh satu orang sahaja dari mula lafaz-nya sa-hingga akhir lafaz-nya, serta yang melaku-

kan Azan itu ia-lah sa-orang lelaki. Dengan lain perkataan, kedua2-nya (Azan dan Iqamah) itu tiada boleh di-buat oleh sa-orang untuk sa-bahagian-nya sahaja, kemudian datang orang lain menyudahkan bahagian yang akhir.

Jikalau Azan atau Iqamah itu kerana hendak mendirikan sembahyang berjemaah maka hendaklah di-nyaringkan suara, sekali pun yang mendengar semua Azan atau Iqamah itu hanya satu orang sahaja. Dan seperti yang saya katakan tadi hendaklah Azan itu di-lakukan apabila masuk waktu sembahyang melainkan Azan sembahyang Suboh, maka Azan Suboh itu bolehlah di-lakukan mulai dari sa-tengah malam yang kedua (lepas tengah malam).

Di-sunatkan juga Azan kerana tujuan lain dari sembahyang lima waktu seperti Azan pada telinga orang yang sedang meradang atau sedang menghadapi kekusaran, dan Azan pada telinga orang yang berubah perangai-nya kepada perkara yang luar biasa seperti sangat sedih, sangat takut dan lain2, Azan pada telinga orang yang kena rasok hantu dan shaitan, ketika kebakaran, ketika hantu dan shaitan menyerupai dengan berbagai2 rupa dan berchakap dengan berbagai perkataan, kerana dengan Azan itu Allah Ta'ala menolak kejahatan hantu dan shaitan2 itu, dan shaitan2 itu apabila ia mendengar azan ia akan chabut lari.

Azan dan Iqamah Pada Kanak2 Baru Lahir

Sunat juga Azan pada telinga kanan kanak2 yang baharu di-peranakkan, dan juga Iqamah di-telinga kiri kanak2 yang baharu di-peranakkan itu supaya kalimah yang mula2 di-dengar-nya ia-lah Zikrullah (Azan dan Iqamah) itu. Dan sunat juga Azan dan Iqamah di-belakang orang yang sedang

Siri ke-71

memulakan perjalanan atau pelayaran.

Menurut pendapat yang mu'tamad bahawa di-sharatakan pada menunaikan Azan2 yang lain dari sembahyang lima waktu ia-lah orang lelaki, sementara pendapat sa-tengah yang lain mengatakan: boleh juga orang perempuan.

Sunat Azan dan Iqamah itu pada tempat yang tinggi sa-kira-nya di-perlukan berbuat demikian, di-sunatkan mengadap kiblat, di-sunatkan memalingkan muka ka-kanan (bukan dada) sekali dalam Azan dan sekali dalam Iqamah ia-itu pada masa menyebutkan:

حَسْبِيَ عَلَى الصَّلَاةِ
حَسْبِيَ عَلَى الْفَلَاحِ

Dan sunat orang yang Azan dan yang Iqamah itu mempunyai sifat adil (menurut sifat adil dalam bab menjadi saksi) ia-itu orang yang tiada membuat dosa besar dan tiada kekal dalam dosa kecil (taat-nya lebih dari maksiat-nya), dan ada maruah (tahu menjaga kehormatannya). Maksud dosa besar itu seperti tiada mengerjakan sembahyang lima waktu, tiada mengerjakan puasa, tiada membayar zakat harta ketika sudah ada nisab dan sampai haul-nya, berbuat bohong, pechah amanah dan lain2. Sementara dosa kecil itu seperti menengok perempuan asing, tiada bertegur dengan orang Islam lebih dari tiga hari dengan tiada ada uzor shara', menggunakan najis pada badan atau pada pakaian dengan tiada ada apa2 hajat, berjalan dengan takbor dan ujub. Dan sunat orang yang melakukan Azan itu nyaring dan baik suaranya. Di-sunatkan juga bagi orang yang Azan itu meletakkan dua hujung

jari telunjuk dalam dua lobang telinga-nya dan tiada sunat bagi orang yang Iqamah berbuat demikian.

Sunat tarji' pada Azan ia-itu menyebut dua kalimah sahadat dua kali dengan suara yang rendah ia-itu sa-belum melaungkan kedua-nya dengan nyaring.

Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Azkar mengatakan: "Bahawa tarji' itu dalam mazhab kita Ash-Shafie hukum-nya sunat. Chara tarji' itu ia-lah apabila ia melaungkan dengan suara yang tinggi:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

kemudian ia menyebut dengan suara yang rendah sa-kira2 di-dengar oleh diri-nya sendiri atau sa-siapa sahaja yang dekat dengan-nya akan lafaz:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

kemudian ia kembali melaungkan dengan suara yang nyaring akan lafaz tadi.

Di-sunatkan juga mengangkat suara lebih tinggi sa-masa Azan dari mengangkat suara sa-masa Iqamah.

Sunat bersegera menyebut lafaz Iqamah serta nyata huruf-nya dengan chara menghimpunkan kedua2 lafaz itu dengan satu suara, melainkan lafaz yang akhir

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

maka hendaklah melafaz-nya dengan satu suara sahaja.

Sunat tartil pada Azan, maksud tartil itu ia-lah melambatkan suara pada

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Ashar dan U. Cairo, Mufti

tiap2 lafaz dari lafaz2 Azan itu. Dan tiap2 lafaz itu hendaklah dengan satu suara sahaja, melainkan pada takbir

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

maka ia himpulkan dua takbir itu dengan satu suara, kerana Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah memerintahkan kita berbuat demikian.

Sunat 'tathwib' pada Azan Suboh ia-itu sa-telah melafazkan dua kali

حَسْبِيَ عَلَى الْفَلَاحِ

kemudian melafazkan

الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ

ia-itu sa-banyak dua kali.

Bilangan lafaz Azan termasuk tarji' kesemua-nya sembilan belas lafaz, dan termasuk 'tathwib' kesemua-nya dua puluh satu lafaz, sementara lafaz Iqamah sa-belas lafaz.

Lafaz Azan itu dua dua, melainkan lafaz takbir pada awal-nya empat dan tauhid pada akhir-nya satu sahaja.

Ada pun lafaz Iqamah ada-lah satu2 melainkan takbir pada awal-nya dua kali begitu juga pada akhir-nya dua kali, sa-lain itu kalimah Iqamah

قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ

juga dua kali. Ini ia-lah menurut hadith Al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah memerintahkan Syedina Bilal (Radhiallahu 'Anhu) supaya mengulangkan lafaz Azan dua2 kali dan sekali lafaz Iqamah. Sa-bagaimana yang di-terangkan di-atas tadi.

Azan dan Iqamah makroh di-lakukan oleh orang fasik dan kanak2 yang belum mumaiyiz atau di-lakukan oleh orang buta sahaja tanpa ada bersama2-nya orang chelek, dan di-lakukan oleh orang yang berhadath kecil (belum berwudhu') dan sangat makroh di-lakukan oleh orang yang da-

lam berjunub dan berhadath besar ia-itu haidh dan nifas. Juga makroh bagi sa-siapa yang tiada mahu menjawab Azan dan Iqamah. Makroh berlagu2 dan memanjangkan suara yang boleh membawa pada mengubah erti dan ma'ana lafaz Azan dan Iqamah itu.

Menjawab Azan

Sunat bagi sa-siapa yang mendengar akan Azan dan Iqamah menyebut (menjawab) seperti yang di-sebut oleh orang yang Azan dan Iqamah itu, melainkan pada

حَسْبِيَ عَلَى الصَّلَاةِ
حَسْبِيَ عَلَى الْفَلَاحِ

erti-nya: mari sembahyang dan menchari untung. Hendaklah di-jawab:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

erti-nya: Hamba tiada berdaya menolak maksiat dan tiada kuat pada berbuat taat melainkan dengan pertolongan Allah. Dan pada tathwib berbunyi:

الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ

erti-nya: Sembahyang itu lebih baik dari tidur. Maka pendengar menjawab:

صَدَقْتَ وَبَرَّرْتَ

erti-nya: benar kata awak itu dan awal telah berbuat baik (dua kali). Dan pada Iqamah:

قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ

erti-nya: Telah berdiri sembahyang. Maka ia menjawab:

أَقَامَ اللَّهُ وَأَدَامَا
وَجَعَلَنِي مِنْ صَالِحِ أَهْلِيهَا

erti-nya: Moga2 Allah sempurnakan sembahyang itu dan kekalkan sembahyang itu dan moga2 Allah jadikan saya daripada kumpulan orang yang saleh yang mendirikan sembahyang (dua kali).

Menurut hadith Muslim barangsiapa menjawab sa-lepas tiap2 satu lafaz atau satu perenggan dan berkata seperti kata orang yang Azan dan orang yang Iqamah itu maka dia dapat masuk shorga, dan pada suatu riwayat lain di-ampunkan dosa-nya.

WALLAHU A'ALAM

BAGINDA YTM-PERTUAN MANGKAT RADIO WISHEN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berserta dengan adinda Baginda YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir ketika melawat salah satu studio RTB.



GAMBAR2 ini menunjukkan ketika Baginda melawat ka-Bilek Bahagian Solek, pakaian dan Bilek Berita.



Persatuan Chator yakin dapat lahirkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Kebangsaan Brunei merasa yakin mereka tidak lama lagi akan dapat melahirkan pemain2 yang boleh menandingi pemain2 handal di-luar negeri.

Ini telah di-akui oleh salah sa-orang pemerhati yang telah menyaksikan gelagat pemain2 chator persatuan yang mewakili negeri ini ka-pertandingan Chator Antara Kota2 di-Asia Kali ke-3 yang telah berlangsung di-Hong Kong bulan lalu.

Sungguh pun hanya berjaya menduduki tempat ka-23 daripada 26 pasukan yang mengambil bahagian, tetapi dalam satu perlawanan salah sa-orang pemain telah dapat menunjukkan satu kemampuan bermain yang boleh di-anggap luar biasa.

Di-papan enam dalam satu perlawanan, Awang Asnawi bin Haji Abdul Halim telah di-istiharkan sa-bagai pemain yang ter-baik apabila telah memenangi 4½ dari lima perlawanan yang di-tandingkan.

Pada keseluruhan-nya dalam tujuh perlawanan, Brunei berjaya mengalahkan Pasokan Scisys Computer dari Hong Kong, seri dengan Karachi dan Hyderabad dan kalah oleh

pemain handal

Banglore, Pattaya, Medan dan Madras.

Perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Shanghai dari China, kedua Megro Manila dari Filipina manakala juara tahun lalu, Guangzhou juga dari China telah menduduki tempat ketiga.

Ia-nya ada-lah di-anjarkan oleh Persatuan Chator Hong Kong sa-bagai satu daripada aktiviti tahunan-nya dan telah di-biayai oleh Hong Kong Urban Council.

Negeri Brunei telah di-wakili oleh Pasokan Bandar Seri Begawan yang terdiri daripada Awang Ismail bin Yusoff selaku ketua pasokan, Awang Muhammad bin Haji Damit, Ak. Abd Rahman bin PLW Pg. Hj. Yusoff, Awang Mohammed bin Haji Metahir, Pg. Mohd Limbang bin PLW Pg. Hj. Yusoff dan Awg. Asnawi bin Haji Abdul Halim.

Sa-masa berada di-sana pemain2 Brunei telah juga menemui Naib Yang Dipertua Chator Dunia (F.I.D.E.), Mr. Compamane yang sangat2 mengalu2kan penyertaan Brunei dan telah menyaran agar negeri ini akan sentiasa mengambil

bahagian dalam mana2 perlawanan chator yang di-anjarkan.

Ada-lah juga di-fahamkan yang beliau sendiri akan mengunjungi negeri ini untuk memerhati perkembangan permainan chator yang telah di-chapai oleh Brunei sa-jauh ini.

Di-samping itu, Mr. Compamane juga berchadang untuk membawa sa-orang juru lahe dari Filipina yang akan di-arahkan berada di-sini sa-lama sabulan untuk memberi latihan dan tunjuk ajar kepada pemain2 tempatan.



PERWAKILAN bergambar dengan Naib Presiden Chator Dunia (FIDE) Mr Compamane.



PEMAIN2 ketika melawan Scisys Computer (Hong Kong).

Kejohanan Badminton Kebangsaan terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Badminton terbuka kepada belia2 yang berusia 20 tahun ka-bawah ada-lah merupakan satu lagi acara sokan yang akan di-anjarkan sempena pesta sokan yang akan di-jalankan dalam bulan Mei depan.

Perlawanan itu nanti akan di-adakan di-Pusat Belia di-sini dan terbahagi kepada tiga bahagian, perseorangan dan bergu bagi lelaki dan bahagian perempuan.

Permainan awal bagi kejohanan itu nanti akan bermula pada 10hb Mei manakala perlawanan peringkat akhir-nya akan di-jalankan dalam akhir bulan yang sama.

Perlawanan ada-lah di-kekolakan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei.

Borang2 penyertaan kini boleh di-perolehi dari Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar di-Jabatan Kesihatan dan Perubatan, Awang Haji Ahmad bin Arshad di-Bahagian Penerangan Setia Usaha Kerajaan, Awang Paul Chia di-Kelab Ria Kuala Belait, Awang Arif bin Haji Bolhassan di-Jabatan Pertanian Tutong dan dari Awang Ibrahim bin Abdullah di-Jabatan Pelajaran Pekan Bangar, Temburong.

Borang yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 24hb Mach depan.



Perlawanan trek basikal

BERAKAS. — Persatuan Lumba Basikal Amatur Brunei telah mengadakan satu perlumbaan trek bertempat di-Padang Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-sini minggu lalu.

Perlumbaan tersebut terbahagi kepada tujuh bahagian dan ada-lah bertujuan untuk membiasakan para pelumba tempatan dengan chorak perlumbaan sedemikian yang kian popular di-luar negeri.

Berikut ada-lah keputusan dari perlumbaan yang telah di-jalankan dimana pemenang2 telah menerima hadiah yang berupa wang tunai dari pehak penganjur.

1Km Uji Masa Perseorangan, tempat pertama telah di-menangi oleh Zainal Haji Sulaiman dan kedua Yunos Sisa dan Sabtu Arshad.

1Km Sprint, pertama di-menangi oleh Zainal Haji Sulaiman, kedua Ak. Zaman Pg. Metasan dan ketiga Sabtu Arshad.

4Km Kejar Mengejar Perseorangan pertama Ak.

Zaman Pg. Metasan kedua Awang Zainal Haji Sulaiman dan ketiga Awang Kassim.

4Km Kejar Mengejar Berpasokan pertama Rose Pawana A, kedua Relax dan ketiga Kuala Belait.

Point Race 10Km pertama Awang Yunos, kedua Awang Radin dan ketiga Awang Ishak.

Lepas Beramai2 4Km pertama Zainal Haji Sulaiman, kedua Sabtu Arshad dan ketiga Ishak.

Sementara itu dalam bahagian Lepas Beramai2 17 Tahun Kebawah tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Bahrom Badar, kedua Awang Radin dan ketiga di-menangi bersama oleh Eric dan Rosli Abdul Rahman.

Menurut sa-orang juru-chakap pehak penganjur, memandangkan yang sem-butan dari pelumba2 tempatan yang begitu meng-galakkan mereka telah pun menhadangkan untuk mengendalikan perlumbaan tersebut sa-bagai satu daripada projek bu-lanan mereka.



Perlawanan bola jaring perengkat sa-negeri minggu depan

MUARA. — Perlawanan bola jaring perengkat sa-negeri bagi sekolah2 menengah dan maktab akan di-langsungkan pada 24hb Mach depan.

Daerah Brunei Muara akan di-wakili oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Ketika ini perlawanan perengkat daerah bagi mem-ileh wakil ka-perengkat yang akan di-jalankan itu sedang berjalan di-lain2 daerah di-negeri ini.

Gambar atas ada-lah perlawanan perengkat Daerah Brunei Muara yang telah berlangsung di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan minggu lalu.

Kursus ulangkaji ujian daya jasmani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 79 orang lagi guru2 dari daerah Brunei-Muara dan Tutong yang termasuk lima orang perempuan akan menghadiri satu kursus ulangkaji daya ujian jasmani anjoran Bahagian Latihan Jasmani Jabatan Pelajaran.

